# PTPTN dan Masa Depan Pembiayaan Pendidikan Tinggi

*10 April 2012*
**Hotel Quality**

**Mohd Rafizi Ramli,**
**Pejabat Penasihat Ekonomi Selangor**

# 5 soalan:

*Apa prinsip ?*

*Bagaimana membiayai?*

*Berapa hutang PTPTN?*

*Apa mekanisme jamin keadilan?*

*Apa model pembiayaan masa hadapan?*

?

# Apa prinsip ?

Setiap rakyat yang layak secara akademiknya berhak mendapat pendidikan tinggi percuma di institusi pengajian tinggi yang disediakan kerajaan, mengikut minat dan keperluan

*Percuma*: yuran, kemudahan tempat tinggal

Melanjutkan pengajian ke institusi swasta adalah pilihan peribadi, bukan sebab terpaksa atau kekangan

Tanggungjawab kerajaan sedia kemudahan pendidikan, bukan swasta



# *Berapa hutang PTPTN?*

**RM37.4 b** Pinjaman DILULUSKAN sehingga 31 Disember 2010

*Sumber: Info PTPTN Edisi 2011, mukasurat 30*

**RM4 b** Pinjaman DILULUSKAN bagi tahun 2011

*Sumber: Pengumuman Menteri Pendidikan Tinggi, 20 Ogos 2011*

---

**RM41.4 b** diluluskan sehingga 2011

**?** Bukan semua jumlah ini telah dibayar kepada pelajar; maka PTPTN tidak meminjam semua jumlah ini

# *Berapa hutang PTPTN?*

**RM24.9 b** Pinjaman DIBAYAR sehingga 31 Disember 2010

*Sumber: Info PTPTN Edisi 2011, mukasurat 30*

**RM2.6 b** Anggaran pinjaman DIBAYAR bagi tahun 2011

*Sumber: Anggaran*

**RM27.5 b** dibayar sehingga 2011

# Berapa hutang PTPTN?

## Tanggungan RM43b hutang satu pembohongan

ARKIB : 07/04/2012

### RM43 bilion ditanggung jika mansuh PTPTN - PM

07/04/2012 1:53pm

BATU PAHAT 7 April - Kerajaan akan menanggung RM43 bilion jika pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) dimansuhkan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, sekiranya dimansuhkan seperti janji pihak pembangkang sekiranya memerintah, ia akan menjadi beban kepada kerajaan.

"Saya nak bagi tahu, PTPTN kalau dimansuhkan kerajaan akan menanggung kos RM43 bilion. Ada tiga sahaja kerajaan yang buat dan salah satu adalah Norway.

"Tapi di Norway, kadar cukai yang dikenakan kepada rakyat pula sangat tinggi. Adakah kita nak naikkan cukai kepada rakyat untuk hapuskan pinjaman PTPTN? Sudah pasti kita tak mahu membebankan rakyat dengan naik cukai," katanya semasa merasmikan program Jelajah Janji Ditepati di Stadium Batu Pahat di sini hari ini.

Turut hadir isterinya, Datin Seri Rosmah Mansor; Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan isteri, Puan Sri Noorainee Abdul Rahman dan Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman.

Kira-kira 50,000 rakyat pelbagai kaum hadir memeriahkan program sehari itu.

Perdana Menteri berkata, sebenarnya 90 peratus kos pengajian telah ditanggung oleh kerajaan dan hanya 10 peratus yuran dibayar oleh penuntut menerusi pinjaman PTPTN. - UTUSAN

?

# *Berapa hutang PTPTN?*

**RM27.5 b** Pinjaman DIBAYAR kepada peminjam sehingga 2011
*Sumber: Info PTPTN Edisi 2011, mukasurat 30 dan anggaran*

**RM2.2 b** *Tolak:* Pinjaman DIKUTIP sehingga 31 Disember 2010
*Sumber: Info PTPTN Edisi 2011, mukasurat 31*

**RM0.6 b** *Tolak:* Anggaran pinjaman DIKUTIP bagi tahun 2011
*Sumber: Anggaran berdasarkan jumlah kutipan yang sama bagi tahun 2010*

---

**RM24.7 b** **Jumlah hutang PTPTN yang perlu ditanggung**

# *Bagaimana membiayai?*

## Bagaimana kerajaan pusat boleh membayar hutang RM24.7 b?

1. Jumlah hutang ini bukannya dibayar sekaligus
2. Pinjaman yang dibuat oleh PTPTN pun menetapkan jadual pembayaran mengikut masa tertentu kepada institusi kewangan
3. Kerajaan boleh menerbitkan bon yang lebih panjang tempoh pembayarannya untuk memenuhi jadual pembayaran hutang yang diambil alih

# Bagaimana membiayai?



**Pelaburan tetap dari hasil minyak ke dalam sektor pendidikan**



# Bagaimana membiayai?

| | 2000 | 2001 | 2002 | 2003 | 2004 | 2005 | 2006 | 2007 | 2008 | 2009 | 2010 |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| *Cukai pendapatan (anggaran)* | 3,000 | 3,000 | 3,000 | 4,000 | 4,000 | 4,000 | 4,000 | 4,000 | 5,000 | 4,500 | 4,500 |
| *Cukai petroleum* | 6,010 | 9,859 | 7,636 | 8,466 | 11,479 | 14,566 | 20,674 | 20,453 | 24,191 | 27,231 | 18,713 |
| *Duti eksport petroleum* | 996 | 831 | 768 | 1,106 | 1,539 | 2,029 | 2,325 | 2,271 | 2,703 | 1,104 | 1,745 |
| *Dividen PETRONAS* | 4,100 | 5,910 | 5,390 | 5,100 | 9,100 | 11,000 | 18,000 | 24,000 | 30,000 | 30,000 | 30,000 |
| *Royalti petroleum dan gas* | 1,763 | 2,000 | 1,600 | 2,142 | 2,497 | 3,293 | 4,240 | 4,152 | 5,908 | 4,805 | 4,855 |
| **Pendapatan negara dari hasil petroleum dan gas** | **15,869** | **21,600** | **18,394** | **20,814** | **28,615** | **34,888** | **49,239** | **54,876** | **67,802** | **67,640** | **59,813** |
| Perbelanjaan mengurus pendidikan dan latihan | 12,923 | 14,422 | 16,982 | 19,033 | 21,517 | 23,058 | 25,589 | 30,443 | 36,528 | 39,318 | 37,821 |
| **Perbandingan perbelanjaan pendidikan berbanding hasil petroleum dan gas** | **81%** | **67%** | **92%** | **91%** | **75%** | **66%** | **52%** | **55%** | **54%** | **58%** | **63%** |

*Sumber: Perbendaharaan Negara, semua angka di dalam juta*

!

**Perbandingan perbelanjaan pendidikan menunjukkan hasil minyak disalurkan ke bidang lain**

**Walaupun hasil minyak dibelanjakan berlipat kali ganda, nisbah pelaburan dalam pendidikan merudum**

# *Bagaimana membiayai?*

**Pelaburan tetap RM2 b setahun dari hasil minyak dan gas untuk membayar RM24.7 b hutang PTPTN selama 15 tahun**

**Peruntukan tambahan RM2 b setahun dari belanjawan tahunan untuk menampung tanggungan akan datang, kurangkan perbelanjaan seperti pembelian senjata, projek mega dan lain-lain**

# *Apa mekanisme jamin keadilan?*

**RM2.8 b** Anggaran DIKUTIP sehingga 2011

*Sumber: Info PTPTN Edisi 2011 DANanggaran*

**651,000** Anggaran peminjam yang membayar sehingga 2011

*Sumber: Info PTPTN Edisi 2011*

**% kutipan/pinjaman dibayar** **10%**

**Jika rebat pembayaran balik berkadar terus dengan jumlah dibayar**

**10% X RM2.8b**
**RM280 j**

# Apa model pembiayaan masa hadapan?

**Oleh kerana dasar BN, tanggungjawab menyediakan tempat untuk pendidikan tinggi kini diserahkan kepada pihak swasta**

| | 2003 | 2005 | 2007 | 2010 |
|---|---|---|---|---|
| *Kemasukan ke IPTA* | 280 | 311 | 337 | 372 |
| *Kemasukan ke IPTS* | 338 | 337 | 371 | 466 |

! **Kemasukan pelajar ke IPTA berbanding IPTS ('000)**

*Sumber: Unjuran KPT*

*Tahun-tahun akan datang, sebahagian besar wang PTPTN adalah untuk menampung pengajian di IPTS yang lebih mahal*

**Pembiayaan diluluskan 31 Disember 2010**

| IPTA | IPTS |
|---|---|
| 20.8 b | 16.6 b |

?

# *Apa model pembiayaan masa hadapan?*

**Tanggungjawab menyediakan tempat untuk pendidikan tinggi dipikul semula oleh kerajaan**

**10 buah IPTA baru dalam tempoh 10 tahun, dengan sasaran 100,000 tempat pengajian**

**Perbelanjaan di IPTA ditanggung kerajaan untuk yuran dan kemudahan tempat tinggal**

**Bila keperluan tempat dipenuhi IPTA, kemasukan ke IPTS juga akan berkurangan**

**Tabung pendidikan baru untuk IPTS dan perbelanjaan sara hidup**

# *Apa model pembiayaan masa hadapan?*

**Konsolidasi IPTS untuk mengurangkan jumlah IPTS yang menelan pembiayaan besar PTPTN**

**Konsolidasi akan meningkatkan daya saing IPTS, seterusnya menurunkan yuran dan kos pengajian**

**Tabung pendidikan baru hanya memerlukan pembiayaan yang lebih kecil**

# TERIMA KASIH

?